

Majlis Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-Petronas 2023

PM jamin kebebasan media kekal

Kerajaan berpendirian tiada tindakan kepada wartawan beri pandangan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan tidak berganjak dalam pendirian untuk menjamin kebebasan media di negara ini, namun menegaskan kebebasan itu tidak boleh digunakan untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara, termasuk menyentuh isu 3R iaitu Raja, agama dan kaum.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa mendukung dan mempertahankan hak serta kebebasan media dalam memberi teguran dan kritikan, malah semangat itu kekal sejak prakemerdekaan negara.

"Pendirian saya dan rakan dalam jemaah menteri (adalah

tiada tindakan diambil atau kawalan terhadap ruang kebebasan wartawan dan media memberi pandangan, teguran dan kritikan.

"Saya beri jaminan semangat (kebebasan media) itu kekal, walaupun timbulkan sedikit keresahan kerana ketegasan kita (kerajaan) tangani isu terkait dengan keselamatan, fahaman cauvinisisme (patriotisme melampau) dan perkauman, atau aliran pelampau agama.

"Bukannya singgung soal kaum, Raja tetapi gunakan isu itu untuk pecah belah, porak-peranda (negara)," katanya dalam ucpatama pada majlis Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM) MPI-Petronas 2023 pada Malam Wartawan Malaysia 2024 di sini malam kelmarin.

Pada majlis itu, wartawan wanita veteran, Adibah Amin atau nama sebenarnya Khalidah Adibah Amin, 88, diumumkan sebagai Tokoh Wartawan Negara, sekali gus menjadi wartawan wanita pertama diberikan pengiktirafan tertinggi dalam bidang kewartawanan tempatan.

Anugerah itu disampaikan



Anwar beramah mesra dengan tetamu pada Malam Wartawan Malaysia 2024, dan Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-Petronas 2023 di Kuala Lumpur, malam kelmarin.

(Foto Aswadi Alias)

Perdana Menteri kepada adik perempuan Adibah, Fadzilah Amin, yang mewakili kakaknya yang tidak dapat hadir berikutan faktor kesihatan.

Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-Petronas adalah acara tahunan bagi mengiktiraf karya

kewartawanan cemerlang sepanjang tahun.

Matlamat keamanan negara

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia mampu menjadi sebuah negara hebat sekiranya wartawan tempatan dapat

menumpukan pelaporan dengan matlamat untuk menjamin keamanan dan mengangkat kemajuan negara.

"Nilai seorang wartawan yang berjaya ialah dia kerja dengan perasaan, keyakinan, ada 'passion' (semangat) dalam profesion.

"Saya percaya dan yakin Malaysia ini mampu jadi negara hebat dan gagah kalau tumpu kepada matlamat kita terhadap keamanan, ekonomi, budaya, agama, digital tapi jangan diheret dengan isu memecah belah, papar kebodohan, keangkuhan sehingga menghakis kemanusiaan," katanya.

Dalam pada itu, Anwar menggesa rakyat supaya meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris tanpa mengetepikan usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi atau lingua franca di negara ini.

Beliau berkata, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam sistem Perlembagaan Persekutuan terus dipatuhi dan dilaksanakan, namun kepentingan penguasaan bahasa Inggeris tidak boleh dipinggirkan.

BERNAMA